



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

31 JULAI 2025

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada semalam, Rabu, 30 Julai 2025 telah membentangkan dua (2) Penyata Tindakan Susulan Kementerian seperti berikut:
 - a) Penyata PAC Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) (DR. 2 Tahun 2025); dan
 - b) Penyata PAC Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kewangan (MOF) Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6 Tahun 2025).
2. Dalam setiap tindakan susulan Kementerian/ Agensi terhadap syor-syor penyata PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan berkenaan.

Tindakan Susulan Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) (DR. 2 Tahun 2025)

3. Bagi tindakan susulan KKR dan LLM terhadap syor-syor Penyata PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran

Pantas Pelbagai Lorong (MLFF), PAC mengambil maklum usaha yang diambil KKR dan LLM terhadap syor-syor Penyata PAC.

4. PAC berpendapat bahawa walaupun sistem MLFF mungkin melancarkan aliran di tol, ia tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan trafik secara menyeluruh. Kesesakan lalu lintas dilihat disebabkan oleh lorong yang tidak mencukupi dan jumlah kenderaan yang terlalu banyak di lokasi-lokasi tertentu.
5. PAC menegaskan sekali lagi supaya KKR memastikan tiada implikasi kewangan kepada Kerajaan dan pengguna dalam cadangan hala tuju pelaksanaan MLFF yang akan dimuktamadkan. Ini bagi mengelakkan isu seperti yang pernah dibangkitkan dalam Prosiding PAC sebelum ini yang dikatakan tidak mempunyai implikasi kewangan, namun akhirnya Kerajaan masih perlu membayar kepada pihak syarikat.
6. PAC berpandangan setiap keputusan mengenai pelaksanaan sistem MLFF atau apa jua sistem yang diperkenalkan selepas ini mestilah memberi manfaat serta meningkatkan keberkesanan dalam mengatasi kesesakan trafik.
7. Selain itu, PAC menggesa agar keberkesanan dan kecekapan kutipan tol sedia ada ditingkatkan sebagai langkah segera untuk mengurangkan kesesakan lebuh raya sebelum MLFF dilaksanakan.
8. PAC memohon KKR untuk memaklumkan perkembangan berhubung hala tuju pelaksanaan sistem MLFF sebagai rujukan dan perhatian PAC secara bertulis.

Tindakan Susulan Kementerian Kewangan (MOF) Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen Berhubung

Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6 Tahun 2025)

9. PAC mengambil maklum inisiatif LHDNM bagi tujuan keberkesanan pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) dengan melaksanakan tindakan penambahbaikan dalaman LHDNM seperti mengautomasi pengeluaran surat makluman tunggakan cukai dan mempercepat prosedur sekatan perjalanan.
10. Selain itu, PAC menyarankan LHDNM supaya terus mempergiat tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia ada, selain membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
11. PAC menyarankan LHDNM mempergiat usaha dalam mengurangkan risiko peningkatan Akaun Belum Terima dan rayuan oleh pembayar cukai. LHDNM hendaklah melaksanakan pemantauan yang berterusan bagi memastikan keberkesanan proses pentaksiran cukai secara keseluruhan serta lebih proaktif menguatkuasakan undang-undang bagi membendung ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai.
12. Berhubung pelaksanaan e-invois, PAC mengalu-alukan inisiatif Kerajaan seperti yang diumumkan pada 5 Jun 2025 yang mengambil kira komitmen pembayar cukai terutamanya peniaga dari kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mematuhi keperluan perundangan e-Invois yang memerlukan tempoh persediaan secukupnya. PAC menyarankan pihak LHDNM memberikan sokongan dan panduan yang menyeluruh kepada semua pembayar cukai sepanjang tempoh persediaan pelaksanaan e-Invois.

13. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Penyata PAC tersebut boleh memuat turun (*download*) di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac .

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen